

## RM108,350 dana untuk persatuan sukan di Labuan hadapi Sukma

LABUAN: Persatuan sukan di pulau bebas cukai menerima bantuan berupa insentif dan geran berjumlah RM108,350 daripada Kementerian Wilayah Persekutuan sebagai persiapan menghadapi Sukma Johor tahun depan.

Menterinya, Tan Sri Annuar Musa berkata bantuan yang diberi kepada 17 persatuan sukan itu adalah untuk meringankan beban kewangan mereka dalam menyediakan kemudahan sukan dan klinik serta penyertaan dalam pertandingan. Beliau menggesa persatuan menggunakan dana itu secara berhemah untuk mengenal pasti dan melahirkan bakat baharu yang berpotensi.

"Kami berharap ia akan membantu meningkatkan pembangunan sukan di

sini dan menyuntik semangat atlet untuk terus menjalani latihan secara konsisten," katanya pada sesi minum petang bersama persatuan sukan di sebuah hotel di sini Khamis lalu.

Terdahulu beliau menyerahkan surat pelantikan kepada 12 ketua persatuan sukan termasuk Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Dr Fary Akmal Osman sebagai ahli Majlis Sukan Labuan.

Beliau juga menyerahkan surat pelantikan kepada jurulatih sukan.

Sementara itu, pada program lain, Annuar menyaksikan sumbangan peralatan rumah kepada penerima skim bantuan perumahan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) di Kampung Sungai Bedaun. - Bernama